

Pelaksanaan *bebankan rakyat*

Sinar Harian - 1/3/2017 (M/S 6)

ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM - Langkah melaksanakan kadar bayaran minimum RM30 Touch 'n Go di lorong tambah nilai tol Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE) berkuat kuasa hari ini adalah pelaksanaan yang membebankan rakyat.

Sejak pengumuman rasmi dibuat pengurusan SKVE, rata-rata netizen meluahkan rasa tidak puas hati dan kecewa dengan pelaksanaan itu, yang memberi kesan kepada pengguna.

Menerusi pemerhatian di laman sosial, *Sinar Harian* mendapati banyak pihak meluahkan perasaan, malah ada memberi cadangan bagi memastikan pelaksanaan dikaji semula sebelum dilaksana.

Seorang netizen yang menggunakan nama Shapae Sabudin mempersoalkan tin-

dakan tersebut dan beranggapan kadar nilai minimum RM10 tambah nilai perlu dikekalkan seperti biasa.

"Kenapa nak dibebankan lagi pengguna. Minimum RM10 kan dah elok, memandangkan masyarakat mempunyai pilihan.

"Kalau dah minimum RM30 dan yang nak digunakan hanya sekitar RM10, baki-nya itu bukan boleh buat beli beras lima kilogram dan minyak masak paket," katanya.

Seorang lagi netizen, Saiful Azli Saharuddin berkata, pelaksanaan itu tindakan kurang bijak daripada konsesi lebuhraya terbabit, yang menyusahkan rakyat.

Saiful berkata, Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) perlu membuka mata serta mengambil berat masalah itu yang memberi keuntungan kepada pihak lain.



"Ini masalah antara syarikat konsesi lebuhraya dengan pihak Touch 'n Go dan ia seolah-olah ibarat 'gajah bergaduh, pelanduk tersepit di tengah-tengah,'" katanya.

Sementara itu, seorang pengguna *Facebook* yang menggunakan akaun bernama Farhana Jasmine pula berkata, pelaksanaan itu tidak akan membantu

mengurangkan kesesakan kerana lokasi tambah nilai lain yang disediakan sering tidak berfungsi.

"Touch 'n Go tak relevan nak buat minimum RM30 jika ingin atasi kesesakan. memandangkan banyak kiosk dan kedai sediakan perkhidmatan tambah nilai selalu *offline*," katanya.



Saiful Azli Saharuddin Semua ini tindakan yg kurang bijak daripada konsesi lebuhraya yg terlibat. Ini menyusahkan Rakyat. Ini masalah diantara syarikat konsesi lebuhraya dengan pihak touch n go.. Minta kementerian kerja raya Dan lembaga lebuhraya Buka mata Dan ambil berat akan masalah ini.. Ibarat gajah bergaduh, pelanduk tersepit ditengah2.. Pihak lain yg dapat untung, Rakyat yang merana.. Rakyat sekarang Hanya memendam rasa, dikertas UNDI disana jawabannya. PRU 14



Shapae Sabudin Kenapa la nak dibebankan lagi pengguna?.. minimum RM10 kan ke da elok.. pengguna ada pilihan.. bagi yang jarang2 guna hway pilihan pastinya yang RM10. Kalau da minimum RM30 kalau guna yg nak digunakan hanya sekitar RM10, yang baki RM20 tu boleh buat beli beras 5kg dgn myk masak paket ke guna touch n go tu?